

18/07/2001

Penerbangan muhibah ubah jadual laluan

KUALA LUMPUR, Selasa - Rombongan Ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu, berlepas hari ini dengan perubahan jadual penerbangan dan laluan kerana cuaca kurang baik.

Seorang peserta ekspedisi itu, Abdul Latif Endot, berkata perubahan laluan penerbangan dilakukan selepas mendapat nasihat pihak berkuasa di negara yang akan disinggahi.

"Mengikut rancangan asal, kami akan terbang ke Kuching, kemudian ke Brunei, Filipina, Indonesia dan Singapura. Bagaimanapun, disebabkan kadar penglihatan yang kurang baik di Wilayah Pontianak dan pembentukan angin taufan sepanjang laluan ke Manila, kami terpaksa menggubah laluan.

"Rakan sejawatan kami di negara terbabit menasihatkan supaya mengubah laluan sebagai langkah keselamatan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Katanya, ekoran perubahan itu, ekspedisi berkenaan akan ke Jakarta melalui Pulau Batam dan Pangkal Pinang di Pulau Bangka, Indonesia dan kembali ke Palembang dan singgah di Singapura.

Pesawat Zodiac CH601 HD-9M yang dipandu Kapten Mohamad Sabri Baharom dan Kapten A Aziz Ahmad manakala pesawat MD3 Aero Tiga, yang dipandu Mejar Zainal Abidin Aidid Omar Azaddin dan juruterbang pelatih Rakan Muda berlepas dari Pangkalan Tentera Udara (TUDM) Sungai Besi.

Pesawat Antonov yang membawa 23 penumpang termasuk 11 juruterbang Rakan Muda dan pegawai kanan Kementerian Belia dan Sukan serta alat-alat ganti pesawat pula berlepas dari Terminal Tiga, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Subang.

Abdul Latif yang pernah menerbangkan pesawat Zodiac merentangi Laut China Selatan secara solo pada April lepas berkata, perubahan laluan itu juga perlu dibuat memandangkan pesawat eksperimental itu ringan dan berisiko tinggi.

Rombongan itu dijangka tiba di Pulau Bangka petang ini, dan disambut Gabenor pulau berkenaan.

Esok, rombongan itu akan berlepas ke Bandar Lampung dan dijangka tiba di Jakarta pada tengahari yang disertai Penyerahan Watikah Jemputan kepada Indonesia bagi menyertai Sukan Sea ke 21 di Kuala Lumpur pada 8 hingga 17 September depan.

(END)